

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, August 7, 2019 12:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Arena Sukan Semarakkan Aktiviti Sukan Peringkat Universiti, Lahir Atlet Bertaraf Antarabangsa



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

7 OGOS 2019 / 6 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

**ARENA SUKAN SEMARAKKAN AKTIVITI SUKAN PERINGKAT UNIVERSITI, LAHIR
ATLET BERTARAF ANTARABANGSA**



UUM ONLINE: Pembinaan Arena Sukan UUM bakal menjadi pilihan utama penganjuran kejohanan sukan di utara Semenanjung dengan kemudahan yang kondusif dan bertaraf antarabangsa.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, kemudahan baharu itu akan memberikan nilai tambah terbaik kepada pembangunan sukan bukan sahaja kepada universiti, malah semua institusi pengajian tinggi lain.

Menurutnya, dengan adanya Arena Sukan UUM yang kondusif ini, aktiviti sukan di peringkat universiti dapat disemarakkan lagi dan secara tidak langsung melahirkan atlet bertaraf antarabangsa.

Katanya, sukan bukan bertujuan untuk memperoleh kemenangan semata-mata, tetapi sebagai satu platform yang mampu menyatukan berbilang kaum dan bangsa, serta agama di negara ini.

“Saya berterima kasih kepada semua pihak terlibat yang berusaha dalam menaik taraf kemudahan di Pusat Sukan dan pembinaan Arena Sukan yang baharu ini.

“Dengan keazaman dan iltizam yang tinggi ini, projek ikonik universiti berjaya direalisasikan dan pastinya akan menjadi penanda aras kepada sebarang pembangunan di UUM,” katanya pada Majlis Perasmian Arena Sukan UUM, di sini, semalam.

Kata beliau lagi, diharapkan Arena Sukan UUM dapat menjadi tonggak penganjuran kejohanan sukan bukan sahaja di peringkat universiti, malah hingga ke peringkat antarabangsa selaras dengan usaha meningkatkan prestasi atlet UUM ke peringkat lebih tinggi.

Raja Muda Kedah Darul Aman, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin berkenan menyempurnakan titah perasmian Arena Sukan.

Arena Sukan yang berbumbung sepenuhnya itu memiliki gelanggang futsal bertaraf Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), gelanggang pelbagai guna yang boleh digunakan bukan sahaja untuk futsal, malah bola jaring dan bola baling, gelanggang takraw dan gelanggang futsal untuk rekreasi serta ruang penonton.

Arena Sukan UUM yang berkeluasan hampir 4000 meter persegi ini mampu memuatkan jumlah penonton seramai 500 orang pada satu-satu masa dan antara kemudahan lain adalah bilik seminar dan bilik audio visual.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.